



Z-DRIVE ASSIST TAKAFUL

Motor Kemalangan Diri

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk, ini dan terma dan syarat dalam perkataan sijil sebelum Anda membuat keputusan untuk memohon Z-Drive Assist Takaful.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku sebarang kecederaan, kehilangan upaya atau kematian keatas mana-mana orang yang masuk atau keluar dari kereta Anda atau semasa dalam perjalanan yang disebabkan oleh kejadian ganas, tidak sengaja, secara luaran dan ketara.

Ia juga mempunyai manfaat tambahan seperti Program Bantuan Tepi Jalan yang memberikan bantuan kerosakan kereta dan Bantuan Ehsan Kereta semasa kereta Anda sedang diperbaiki. Selain daripada itu, Anda juga boleh menambah manfaat seperti Perlindungan Kecurian Ragut, Rompakan ATM, Penjagaan akibat Denggi, Peningkatan Hari bagi Bantuan Ehsan Kereta dan Elaun Kesukaran akibat Banjir.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** merupakan suatu persetujuan yang berdasarkan konsep saling membantu di mana para peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana. Dana ini akan memberi manfaat kewangan kepada para peserta takaful lain atau kepada waris mereka sekiranya berlaku peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- **Wakalah:** merupakan kontrak di mana para peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman takaful, sama ada secara sukarela atau dengan pembayaran upah. Dalam konteks takaful ini, para peserta melantik **Kami** sebagai pengendali takaful untuk menguruskan Akaun Pelaburan Risiko Am (selepas ini dirujuk sebagai GRIA) dan sebagai balasan, para peserta membenarkan **Kami** untuk menerima yuran wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- **Tabarru:** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Dalam konteks takaful ini, peserta menderma sebahagian caruman ke dalam GRIA untuk membantu peserta lain yang ditimpa musibah tertentu.
- **Hibah:** Di bawah konteks takaful, Hibah merujuk kepada:
 - Sekiranya terdapat pengisytiharan lebihan daripada GRIA, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan para peserta berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).
 - Atas sebarang pembatalan Sijil, caruman bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan akan dipulangkan kepada para peserta.
- **Ju'alah:** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan dahulu. Dalam konteks takaful ini, para peserta membenarkan kami untuk menerima 50% lebihan yang boleh diagihkan daripada GRIA sebagai insentif atas pencapaian dalam pengurusan GRIA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- **Qard:** merujuk kepada pinjaman tanpa faedah dari kami kepada GRIA sekiranya berlaku kekurangan aset dalam GRIA untuk memenuhi keperluan liabiliti GRIA, termasuk peruntukan rizab yang ditetapkan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan Asas

Manfaat	Keterangan Manfaat	Pelan Asas	Pelan Superior
A	Kematian Akibat Kemalangan	RM50,000 seorang	RM75,000 seorang
B	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	RM50,000 seorang	RM75,000 seorang
C	Perbelanjaan Perubatan	RM3,000 seorang	RM5,000 seorang
D	Pendapatan Harian Hospital	RM50 sehari, sehingga maksimum 30 hari	RM50 sehari, sehingga maksimum 30 hari
E	Penundaan Kereta dan Pembaikan Tepi Jalan	Tanpa Had	
F	Bantuan Ehsan Kereta	Tidak berkenaan	(i) 3 hari (ii) Peningkatan hari 5 atau 10 hari (dengan caruman tambahan)
G	Elaun kesukaran akibat banjir (kejadian yang dilindungi):		
	Kos Pembersihan – Kos membersihkan bahagian dalam Kenderaan (tidak termasuk enjin)	RM1,000	RM1,000
	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – Perbelanjaan yang Perlu Dari Segi Perubatan dalam dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh banjir	RM1,000	RM1,000
	Elaun Ihsan – Kematian Akibat Kemalangan	RM1,000	RM1,000

Perlindungan Tambahan (Pilihan)

Manfaat		Keterangan Manfaat	Kejadian Yang Dilindungi	Pelan Asas	Pelan Superior
H	Perlindungan Kecurian Ragut	Barangan Peribadi dan Dokumen Identiti	Kehilangan Barangan Peribadi dan kos penalti yang dikenakan untuk penggantian Dokumen Identiti	RM1,000	RM1,000
		Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	Perbelanjaan yang Perlu Dari Segi Perubatan dalam dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh Kecurian Ragut	RM1,000	RM1,000
		Elaun Ihsan	Kematian Akibat Kemalangan	RM1,000	RM1,000
I	Rompakan ATM	Kehilangan Wang Tunai	Kehilangan Wang Tunai yang dikeluarkan dari ATM	RM1,000	RM1,000
		Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	Perbelanjaan yang Perlu Dari Segi Perubatan dalam dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh Rompakan ATM	RM1,000	RM1,000
		Elaun Ihsan	Kematian Akibat Kemalangan	RM1,000	RM1,000
J	Penjagaan Denggi	Perbelanjaan perubatan akibat denggi	Kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan sehingga amaun maksimum sekiranya Anda didiagnosis demam denggi oleh Pengamal Perubatan dan menanggung perbelanjaan rawatan perubatan tersebut	RM1,000	RM1,000

Nota:

- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk keterangan penuh atas manfaat, terma dan syarat yang terdapat dalam produk ini.
- Tempoh Perlindungan Takaful adalah selama satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan takaful Anda setiap tahun.
- Perlindungan seperti berikut:
 - Manfaat A, B dan C diberi kepada Pemegang Sijil, pemandu dan semua penumpang yang masuk, dalam perjalanan atau keluar dari Kereta.
 - Manfaat D, E, F dan G diberi kepada Pemegang Sijil sahaja.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web Kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

4. Di bawah Pelan Superior, produk ini juga menawarkan ciri-ciri berikut untuk caruman tambahan:

Ciri-ciri Tambahan

Penerangan ciri-ciri tambahan	Pelan Asas	Pelan Superior
Boleh melindungi mana-mana kereta persendirian di bawah Sijil ini, tanpa mengira sama ada kenderaan tersebut dilindungi dengan Kami	Tidak dibenarkan	Dibenarkan
Boleh melindungi hingga 5 kereta persendirian dalam Sijil yang sama, dengan syarat pemilik kenderaan adalah sama	Tidak dibenarkan	Dibenarkan

Nota: Kereta mestilah mempunyai nombor pendaftaran semasa membeli perlindungan takaful ini.

5. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Jumlah caruman yang perlu Anda buat bergantung kepada pelan, kapasiti tempat duduk dan perlindungan tambahan yang telah Anda pilih seperti berikut:

Perlindungan Asas

Penerangan Perlindungan	Pelan Asas	Pelan Superior
Caruman Asas (5 kapasiti tempat duduk)	RM83	RM104
Penambahan Kapasiti tempat duduk	RM12	RM18
Penambahan Kenderaan	Tidak berkenaan	RM64

Perlindungan Tambahan (Pilihan)

Manfaat Pilihan	Pelan Asas	Pelan Superior
Perlindungan Kecurian Ragut	RM33	RM33
Rompakan ATM		
Penjagaan Akibat Denggi		
Bantuan Ehsan Kereta (5 hari)	Tidak berkenaan	RM18 (setiap kereta)
Bantuan Ehsan Kereta (10 hari)	Tidak berkenaan	RM75 (setiap kereta)

Contoh: Pengiraan caruman (Pelan Asas)

Caruman asas	:	RM	83.00
Tempat duduk tambahan	:	RM	12.00
Perlindungan tambahan (Pilihan)	:	RM	33.00
Caruman kasar	:	RM	128.00
Cukai 8%	:	RM	10.24
Duti setem	:	RM	10.00
Jumlah caruman	:	RM	<u>148.24</u>

Jumlah Jangkaan Keseluruhan Caruman yang Anda perlu dibuat: **RM148.24**

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	(29.5% daripada caruman) yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Komisen – 10% daripada caruman kasar <i>Contoh: Caruman Kasar: RM128.00 x 10% komisen = RM12.80</i> • Perbelanjaan Pengurusan – 19.5% daripada caruman kasar <i>Contoh: Caruman Kasar: RM128.00 x 19.5% perbelanjaan pengurusan = RM24.96</i>
Cukai (caruman dibayar oleh individu atau bukan individu)	8% daripada caruman kasar
Duti Setem	RM10.00 keatas sijil induk

7. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- **Keperluan Pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda termasuk jenis pekerjaan yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan sijil kemalangan peribadi yang Anda langgan daripada pengendali takaful lain.
- **Keperluan Menyimpan Resit** - Adalah penting untuk menerima sesalinan resit daripada Kami dan sila simpan resit ini sebagai bukti caruman telah dibuat.
- **Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika Anda memohon takaful ini untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini), Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika Anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Tunai Sebelum Perlindungan** - Bayaran caruman mesti dibuat dan diterima Kami sebelum perlindungan bermula. Perlindungan insurans ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi.
- **Pembatalan** - Kami boleh memberikan notis bertulis empat belas (14) hari tentang hasrat Kami untuk menamatkan Sijil ini melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Anda yang diketahui, dan sebahagian daripada caruman berkaitan dengan Tempoh Perlindungan Takaful yang belum tamat akan dipulangkan. Pada masa yang sama, Anda boleh, pada bila-bila masa membatalkan Sijil ini dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari, dan Kami akan menyimpan caruman dikira pada skala kadar pro-rata bagi tempoh Sijil telah berkuatkuasa.
- **Prosedur Tuntutan** - Anda perlu memberikan notis bertulis kepada Kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlaku kejadian.
- **Had Wilayah** - Malaysia, Singapura dan Brunei.
- **Pengurusan Jumlah Kecil** - Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebih caruman, pembatalan, perkongsian lebih atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan Jumlah Kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.
- Untuk terma dan syarat umum yang lain, sila rujuk kepada www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak Sijil Induk untuk terma dan syarat.

8. Apakah pengecualian utama di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi tuntutan yang disebabkan oleh kejadian yang berikut:

- a. Peperangan, Perang Saudara
- b. Kecacatan atau kekurangan fizikal sedia ada
- c. Bunuh Diri, Tidak Siuman
- d. Serangan disebabkan Provokasi
- e. Perlumbaan
- f. Sebarang perkara yang bertentangan dengan prinsip Syariah

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak Sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

9. Bolehkah Saya membatalkan Sijil ini?

Anda boleh membatalkan sijil Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami dengan syarat Anda tidak membuat tuntutan ke atas Sijil. Selepas pembatalan, Anda layak mendapat pemulangan caruman berdasarkan tempoh takaful yang belum tamat.

10. Apa yang perlu Saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi Saya?

Anda boleh mengemaskini butiran Anda di Portal Pelanggan Zurich di myzurichlife.com.my atau memaklumkan pihak Kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran peribadi Anda untuk memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada Anda tepat pada masanya.

11. Dari manakah Saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk, sila hubungi Kami atau ejen-ejen Kami. Anda boleh menghubungi Kami di:

Khidmat Pelanggan

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,

59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Tel: 03-2109 6000

E-mel: callcentre@zurich.com.my

12. Jenis perlindungan lain yang boleh didapati?

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.zurich.com.my.

NOTA PENTING

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN BERKENAAN SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA LANGGANI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua caruman dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Informasi yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 01 Mac 2024 sehingga semakan semula dilakukan.

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

www.zurich.com.my

